



SURAT KHABAR	: SINAR HARIAN	MUKA SURAT	: 36
TARIKH	: 7/2/2019		
JABATAN	: PERHILITAN		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		

Kampung Tawai sinonim gajah

Tanaman musnah akibat gajah, penduduk harap kerajaan beri bantuan

GERIK

Sebut sahaja Kampung Tawai pasti penduduk sekitar akan mengaitkannya dengan gajah yang sering memasuki kampung berkenaan setiap kali musim buah-buahan antara Julai hingga Ogos setiap tahun.

Malah bagi penduduk Kampung Tawai sendiri, gajah yang muncul di kampung mereka bukanlah ancaman walaupun haiwan tersebut merosakkan tanaman kerana mereka beranggapan kampung



Anggota Unit Tangkapan Gajah. Unit ini memainkan peranan dalam menayakan operasi pindah gajah sekitar Perak.

tersebut mempunyai kaitan dengan gajah. Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Tawai, Mazlan Amin, 58, berkata, penerokaan kawasan pinggir hutan dan kaki bukit berhampiran serta aktiviti pembalakan menyebabkan gajah keluar dari habitatnya mencari makan.

"Jadi kita tidak boleh salahkan haiwan itu kerana ini adalah kawasan mereka dan penduduk sudah biasa dengan kehadiran gajah terutamanya musim buah kerana haiwan ini mencari makan bukan menyerang manusia.

"Kebiasaannya kawanan gajah terdiri antara tiga hingga enam ekor ini akan masuk ke kawasan kampung tidak kira waktu selain mereka akan berulang datang ke kebun sama yang

mempunyai makanan," katanya.

Menurut Mazlan, Kampung Tawai dibuka sekitar tahun 50-an dan berdasarkan cerita orang lama, gajah memang sering berkunjung ke kampung itu dan dia percaya penerokaan membuka kampung dan tanaman merupakan punca haiwan itu berkeliaran.

Mazlan turut meminta pihak kerajaan untuk melihat semula masalah yang dihadapi oleh penduduk Kampung Tawai apabila terpaksa menanggung kerugian selepas tanaman dimusnahkan gajah.

"Saya faham kos untuk menangkap seekor gajah amat tinggi, lagipun gajah memang sudah wujud di sini dari dahulu lagi, cuma saya berharap kerajaan dapat mempertimbangkan untuk memberi ganti rugi kepada penduduk yang menanggung

info

Gajah memang sering berkunjung ke Kampung Tawai sejak tahun 50-an dan dipercayai penerokaan membuka kampung dan tanaman merupakan punca haiwan itu berkeliaran

kerugian tanaman musnah.

"Ini sahaja cara dapat membantu kami kerana saya kasihan melihat penduduk meluahkan kerugian yang dialami bukan sedikit tetapi banyak terutamanya melibatkan tanaman sawit dan getah yang musnah," katanya.



Kampung Tawai sinonim dengan gajah.

Perak bakal bina Pusat Santuari Gajah

IPOH - Kerajaan Perak akan mewujudkan pusat santuari gajah di kawasan persempadanan dengan Kelantan bagi mengurangkan konflik gangguan haiwan liar itu di sempadan penduduk.

Projek bakal dimulakan pada tahun ini dan dicadangkan di KM20 Jalan Raya Gerik-Jeli dengan keluasan 40 hektar.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu berkata, cadangan dikemukakan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli itu adalah tepat, berdasarkan keperluan mendesak kerajaan untuk melindungi haiwan terbahit secara sistematik.

"Saya sendiri telah mengadakan lawatan ke Pos Kemar, Gerik dan dapati gangguan gajah di situ sangat mendesak, orang kampung berada dalam ketakutan setiap masa.

"Kita mahu kepentingan gajah ini dijaga, tetapi dalam masa sama kita nak jaga juga ladang dan kebun penduduk daripada dirosakkan," katanya.

Ahmad Faizal berkata, cadangan

itu menjadikan Perak negeri kedua selepas Johor, memiliki pusat santuari gajah sendiri.

"Kita akan beri komitmen penuh terhadap usaha ini termasuklah menyediakan kawasan tapak lebih luas jika perlu," katanya.

Pada masa sama, United Kingdom berhasrat menjalinkan kerjasama dengan Kerajaan Perak bagi memelihara kelestarian hutan dan hidupan liar di Taman Negeri Royal Belum dalam kunjungan delegasi Menteri Komanwel dan Asia Pasifik, Mark Field ke Pejabat Menteri Besar, Oktober tahun lepas.

Ahmad Faizal berkata, kerjasama itu merupakan satu pengiktirafan kepada negeri untuk menjaga hidupan liar terutama harimau malaya dan gajah.

"Mereka bersetuju menyumbang RM323,000 di Royal Belum dan kerjasama ini dapat menyedarkan rakyat terhadap sumbangan kerajaan luar yang mengiktiraf khazanah di negeri ini," katanya.

Tiada gajah ditembak, ditanam

LENGGONG - Kehadiran gajah di Kampung Chepor, di sini tiada kaitan dengan mitos kononnya terdapat kubur gajah di kampung itu sebaliknya haiwan tersebut dipercayai keluar mencari makan.

Malah desas-desus yang mengatakan bahawa terdapat insiden beberapa ekor gajah dipercayai mati ditembak penduduk sekitar 80-an dan ditanam di Kampung Chepor juga tidak benar sama sekali.

Orang lama di Kampung Chepor, Jalaluddin Derumm, 80, berkata, gajah sudah wujud

sekitar Kampung Chepor sebelum perkampungan berkenaan diteroka dan dibuka oleh penduduk terdahulu namun ia tidak pernah memasuki kawasan kampung.

"Menurut cerita orang dahulu gajah sudah ada sejak tahun 20-an lagi tetapi bukan di kawasan kampung hinggalah sekitar 70-an barulah ada gajah masuk ke kawasan kebun yang diteroka penduduk kampung berhampiran kaki bukit.

"Tahun 80-an barulah gajah-gajah ini memasuki kawasan kampung apabila penduduk

meneroka hutan berhampiran kaki bukit untuk mengusahakan tanaman seperti getah ketika itu," katanya ketika ditemui Sinar Harian, di Kampung Chepor, baru-baru ini.

Ditanya mengenai cerita bahawa terdapat beberapa ekor gajah mati ditembak kerana mencero boh kebun penduduk sekitar 80-an, Jalaluddin berkata, tidak pernah berlaku insiden sedemikian kerana mereka menghormati haiwan itu.

"Tak pernah ada orang tembak gajah, kubur pun tiada, cuma masa saya kecil ada penduduk bela seekor gajah itu pun saya takut nak dekat.

"Apa yang pasti gajah bukan melawat kubur saudaranya yang dikatakan ditanam di kampung ini tetapi dia datang kerana kita musnahkan tempat dia maka dia keluar mencari makanan hingga ke kampung," katanya.

Jalaluddin sempat bergurau memaklumkan bahawa dahulu orang ramai ke zoo melihat gajah tetapi kini gajah pula keluar untuk melihat manusia di kampung.



Kampung Chepor sering dimasuki gajah dan ternyata cerita gajah ziarah kubur kawan tidak benar sebaliknya mereka mencari makan.